



Pengaruh Peranan Ibu Bapa Terhadap Kemasukan Pelajar Ke Institusi Teknikal dan Vokasional: Satu Kajian Tinjauan Sistematik

The Influence of Parents' Roles on Student Admission to Technical and Vocational Institutions: A Systematic Review Study

Mohd Zulfakar Mohd Nawawi^{1,2*}, Mohd Huzaifah Mohd Anuar²

¹Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, 86400, Johor. MALAYSIA

²Unit Operasi Perhotelan,
Kolej Komuniti Rompin, 26800, Kuala Rompin, Pahang, MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/ojtp.2023.08.01.007>

Received 10 January 2023; Accepted 24 March 2023; Available online 31 March 2023

Abstrak: Hari ini, masih terdapat masyarakat yang masih membincangkan tentang isu pendidikan teknikal dan vokasional. Melihat rendah kepada keupayaan pendidikan ini, persoalan yang timbul ialah untuk mengetahui persepsi masyarakat terutamanya ibu bapa terhadap penerimaan Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). “Adakah mereka tahu dan mengikuti dari semasa ke semasa perkembangan pendidikan vokasional ini?”. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji pengaruh peranan ibu bapa terhadap kemasukan pelajar ke institusi teknikal dan vokasional. Dengan menggunakan teknik tinjauan literatur bersistematik (SLR), pengkaji menggunakan beberapa pengkalan data elektronik yang terkenal untuk mencari artikel jurnal yang dikaji bermula dari tahun 2015 hingga 2022 iaitu *Education Resource Information Centre (ERIC)*, *Emerald Insight*, *Connected Paper*, *Google*, *Google Scholar*, *Sagepub*, *ResearchGate* dan *Academia*. Sebanyak 20 buah artikel didapati menepati kriteria yang ingin dikaji. Dapatan menunjukkan sokongan ibu bapa datang dalam pelbagai bentuk dan antara sub tema yang diperolehi daripada tema sokongan ibu bapa ialah penglibatan aktif, kasih sayang, pembentukan disiplin dan pengaruh minat. Namun begitu, kajian ini didapati terhad dan banyak yang memfokuskan kepada pengaruh ibu bapa dan kecemerlangan akademik pelajar. Justeru itu, kajian lanjutan menggunakan kaedah eksperimen untuk menyiasat intervensi untuk memupuk minat pelajar sekolah menengah terhadap institusi TVET perlu dijalankan.

Kata kunci: Pengaruh peranan ibu bapa, kemasukan pelajar, institusi, teknikal dan vokasional

Abstract: Today, there are still communities that still discuss vocational education. Looking down on the ability of this education, the question that arises is to know the perception of the community (parents) towards the acceptance of Technical and Vocational Education and Training (TVET). "Do they know and follow from time to time the development of this vocational education?". The purpose of this study is to examine the influence of the role of parents on the admission of students to technical and vocational institutions. By using a systematic literature review (SLR) technique, the researcher used several well-known electronic databases to find journal articles that were studied starting from 2015 to 2022, namely Education Resource Information Center (ERIC), Emerald Insight, Connected Paper, Google, Google Scholar, Sagepub, ResearchGate and Academia. A total of 20 articles were found to meet the criteria to be studied. Findings show that parental support comes in various forms and among the sub-themes derived from the theme of parental support are active involvement, love, discipline formation and the influence of interest. However, these studies are limited and many focus on the influence of parents and student academic excellence. Therefore, further research using experimental methods to investigate interventions to foster high school students' interest in TVET institutions should be conducted.

Keywords: parental influence, student admission, institution, technical and vocational

1. Pengenalan

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat kebangkitan semula program latihan vokasional di seluruh dunia. Sebagai contoh, pada 2017, Bank Dunia meluluskan pinjaman kredit MYR 274.05 juta (USD 60 juta) untuk program Pendidikan TVET di Nepal untuk meningkatkan bekalan pekerja mahir dalam pasaran buruh (World Bank Group, 2017). Hal ini menyebabkan banyak negara sedang cuba untuk memperolehi keuntungan pasaran buruh dengan meningkatkan kuantiti dan kualiti buruh melalui program vokasional. Ia amat penting di negara membangun dengan populasi muda dan tidak mahir. Malah negara maju seperti Sepanyol dan Portugal juga telah menubuhkan program TVET selepas melihat kejayaan di Jerman, yang mempunyai program TVET yang mantap (Trines, 2018). Malah, pendidikan TVET adalah penting untuk pembangunan ekonomi dan teknologi mana-mana negara. Ia adalah fakta yang terkenal bahawa mencipta, melatih dan menggunakan bakat yang sesuai adalah penting untuk pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara (Adewale et al., 2017).

Di Malaysia, sistem pendidikan TVET telah ditubuhkan selama lebih tiga dekad. Sebagai sebuah negara yang sedang berkembang, Malaysia terus meningkatkan sistem TVET untuk memenuhi keperluan pelbagai industri. Semakin hari, nilai pendidikan TVET sebagai komponen dan pelengkap kepada pendidikan umum diakui. Selaras dengan Anjakan Ke-4 Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), PPPM (PT) 2015-2025 untuk meningkatkan kualiti graduan TVET, kerajaan telah menetapkan sasaran peningkatan 2.5 kali ganda enrolmen program TVET kepada 650,000 pelajar menjelang tahun 2025 (Abdul-Aziz et al., 2020). Penubuhan sekolah teknik dan latihan vokasional, dan institusi teknikal di seluruh negara adalah usaha kerajaan memperkenalkan pendidikan teknikal dan latihan vokasional kepada belia Malaysia bagi melahirkan pekerja mahir. Perancangan tenaga kerja untuk negara bukan sahaja bergantung kepada bidang profesional, tetapi juga kepada tenaga kerja yang dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran TVET bagi meningkatkan daya saing pekerja dalam pasaran global (Alavi, K., Md. Sail & Awang, 2013).

Malaysia giat mempromosi dan melaksanakan inisiatif pembangunan mampan dalam menyokong pembangunan dan pendidikan mampan (BERNAMA, 2022). Banyak institusi eko dan sekolah telah ditubuhkan untuk merealisasikan inisiatif ini. Institusi pengajian tinggi sedang berusaha untuk mencapai pendidikan lestari. Antaranya ialah institusi TVET di Malaysia. Pendidikan TVET memainkan peranan yang lebih penting dalam meningkatkan kemampanan negara melalui program akademiknya. Sehingga kini, terdapat kira-kira 1300 institusi TVET awam dan swasta yang ditadbir oleh 11 kementerian di negara ini. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pendidikan TVET di Malaysia menekankan peluang pekerjaan dan amalan industri. Pendidikan TVET ditubuhkan untuk memenuhi permintaan industri dan menggalakkan pembangunan ekonomi selaras dengan globalisasi, ekonomi berasaskan pengetahuan, pembangunan dalam teknologi dan mobiliti global tenaga kerja. Pendidikan TVET memainkan peranan penting dalam melahirkan tenaga kerja mahir dalam membantu memenuhi matlamat Malaysia menjadi sebuah negara maju yang bersaing dengan negara maju yang lain (Rasul, Ashari, Azman, & Abdul Rauf, 2015).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) telah direka oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk menyediakan belia Malaysia untuk memanfaatkan perspektif baharu di bawah Rancangan Malaysia Ke-11(Omar et al., 2020). Walau bagaimanapun, Malaysia masih menghadapi halangan dalam menjadikan TVET sebagai pilihan pendidikan utama negara (Bassah, 2022). Ini kerana, pendidikan dan TVET sering disalah anggap sebagai bidang yang menjadi pilihan terakhir dalam melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Perkara ini berlaku mungkin kerana sistem pendidikan negara terlalu menitikberatkan pencapaian akademik, tidak meningkatkan potensi dan nilai individu seperti yang diperkatakan akhir-akhir ini. Bukan sahaja di Malaysia malah di Amerika Syarikat, pendidikan TVET mempunyai masalah imej yang rendah dalam kalangan ibu bapa dan juga guru (Omar et al., 2020; Wonacott, 2000). Selain daripada itu, (Dang, 2015) dalam kajiannya di

Vietnam berpendapat ramai yang menganggap pendidikan TVET ini adalah untuk pelajar-pelajar yang bermasalah, kelas bawahan dan pekerja kolar biru iaitu dari golongan buruh-buruh kasar yang menguruskan sektor pembinaan, perlombongan, pertanian dan pengeluaran, dan juga untuk golongan marhaen. Kenyataan ini juga disokong oleh Yeap et al. (2021) yang menyatakan banyak persepsi telah berkembang terhadap pendidikan teknikal sebagai pendidikan TVET terutamanya untuk pelajar berpendapatan rendah, tercicir sekolah dan pelajar gred rendah. Keibubapaan merangkumi semua aktiviti yang dilakukan oleh ibu bapa untuk membesarkan anak-anak yang bahagia dan sihat yang menjadi pelajar yang berkebolehan. Tidak seperti guru, yang pengaruhnya terhadap kanak-kanak agak terhad, ibu bapa mengekalkan komitmen sepanjang hayat kepada anak-anak mereka (Đurišić & Bunjevac, 2017). Aktiviti yang menyokong penglibatan jenis ini menyediakan maklumat kepada ibu bapa tentang perkembangan, kesihatan, keselamatan atau keadaan rumah yang boleh menyokong pembelajaran anak-anak mereka. Termasuk: pendidikan ibu bapa dan kursus atau latihan lain untuk ibu bapa, program sokongan keluarga untuk membantu keluarga dengan kesihatan, pemakanan dan perkhidmatan lain, lawatan rumah di titik peralihan ke sekolah rendah, menengah dan menengah. Ibu bapa berperanan untuk membimbing anak-anak mereka dalam pendidikan atau latihan yang diperlukan bagi mencapai profesion idaman anak-anak mereka (Okae-Adjei, 2017; Zhi & Atan, 2021). Hasil kajian dari Ahmed Alnaqbi (2015) terhadap pelajar bukan luar bandar menunjukkan bahawa kedua-dua halangan yang dilihat dan sokongan daripada ahli keluarga adalah mereka mengambil bahagian dengan komitmen pelajar ke sekolah dan menggalakkan kejayaan dalam bidang kerja masa depan mereka.

Pelajar lepasan sekolah menengah menghadapi dilema tentang jenis institusi (sekolah vokasional, kolej komuniti atau universiti) yang ingin mereka daftarkan untuk meneruskan pendidikan dan kerjaya mereka (Safarmamad, 2019). Oleh itu, bimbingan ibu bapa memainkan peranan penting dalam kehidupan anak-anak dan mempunyai pengaruh yang kuat ke atas mereka terutamanya dalam dua keadaan penting dalam kehidupan iaitu perkahwinan dan pilihan pengajian mereka. Walaupun ibu bapa tidak semestinya cuba mempengaruhi pilihan pekerjaan tertentu bagi anak-anak, tetapi sedikit sebanyak mereka ini merupakan agen aktif dalam mempengaruhi pembangunan kerjaya yang luas bagi anak-anak mereka (Nawabi et al., 2019). Menurut Profesor Datuk Dr. Noraini Idris, seorang ahli akademik, Kementerian Pendidikan seharusnya mempunyai rancangan untuk membimbing pelajar TVET ke laluan kerjaya, dan dengan itu, secara tidak langsung meningkatkan penerimaan kursus TVET dan memperbaiki salah faham persepsi ibu bapa tentang TVET (Harun & Rahim, 2019). Walaupun sekolah, rakan-rakan dan komuniti setempat mempunyai kesan dalam menentukan pilihan kerjaya, pengaruh dan persepsi ibu bapa telah didapati memainkan peranan penting dalam membentuk pilihan kerjaya anak-anak mereka. Artikel ini membentangkan tinjauan literatur tentang elemen konseptual mengenai pengaruh peranan ibu bapa terhadap kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Oleh yang demikian, objektif kajian tinjauan literatur bersistematik ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh peranan ibu bapa terhadap kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi di Malaysia. Justeru, persoalan kajian ini adalah seperti berikut: adakah pengaruh peranan ibu bapa mempengaruhi kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi di Malaysia?

2. Metodologi

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan literatur sistematik yang dijalankan menggunakan kaedah matrik analisis. Xiao dan Watson (2019) menegaskan bahawa kajian literatur sistematik merupakan kajian yang bertujuan mencari dan menganalisis secara terperinci, berstruktur, boleh meningkatkan kualiti, kebolehpercayaan dan kesahihan semakan sedang dibuat, dan boleh diulang pada proses seterusnya. Oleh sebab itu, pengkaji menggunakan kaedah ini sebagai metodologi kajian.

2.1 Strategi Pencarian Artikel

Strategi pencarian artikel ditakrifkan bermula dari orientasi matlamat penyelidikan. Ini adalah tinjauan literatur sistematik di mana pendekatan berulang digunakan untuk mencari literatur yang berkaitan. Memandangkan kajian ini tertumpu kepada elemen pengaruh peranan ibu bapa, maka kata kunci yang digunakan adalah berdasarkan tema tajuk kajian. Contoh kata kunci yang digunakan adalah “Persepsi Ibu Bapa”, “Pengaruh Ibu Bapa”, “Peranan Ibu Bapa” dan “Kemasukan Pelajar”. Pangkalan data utama yang digunakan dalam carian literatur ini ialah *Education Resource Information Centre (ERIC)*, *Emerald Insight*, *Connected Paper*, *Google*, *Google Scholar*, *Sagepub*, *ResearchGate* dan *Academia*.

2.2 Kriteria Pemilihan Artikel

Semasa menapis data carian, pengkaji menggunakan beberapa kriteria. Salah satu adalah dengan menegakkan hasil carian kepada artikel yang diterbitkan antara 2015 dan 2021, jenis dokumen dihadkan kepada artikel, dan jenis sumber terhad kepada jurnal sahaja seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Tambahan pula, kebanyakan artikel carian dalam Bahasa Inggeris dan hanya segelintir sahaja dalam Bahasa Melayu dan skop carian terhad kepada bidang sains sosial, seni dan kemanusiaan.

Jadual 1 - Kriteria penerimaan dan penolakan artikel

Kriteria	Penerimaan	Penolakan
Tahun Penerbitan	Penerbitan dari tahun 2015 sehingga 2021.	Penerbitan sebelum tahun 2015.
Bahasa	Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.	Bahasa Indonesia dan lain-lain bahasa.
Jenis Bahan Rujukan	Artikel jurnal, Media cetak elektronik yang sah.	Ulasan dan laman sesawang peribadi (blog).
Tajuk Kajian Artikel Jurnal	Dalam tajuk pengaruh ibu bapa terhadap kemasukan pelajar ke institut pengajian tinggi.	Selain daripada tajuk pengaruh ibu bapa terhadap kemasukan pelajar ke institut pengajian tinggi.

2.3 Proses Pemilihan dan Pengecualian Artikel

Hasil dapat carian di ERIC terdapat sebanyak 1837 data yang dijumpai tetapi selepas membuat tapisan seperti akses terbuka, julat tahun, dan frasa tertentu, sebanyak 23 data yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Selain itu, beberapa jurnal yang berkaitan serta buku dan beberapa kertas kerja penyelidikan yang tidak diterbitkan telah dicari secara bersistematis. Dalam pada itu, pencarian menerusi media cetak elektronik yang sah seperti Bernama, Utusan Malaysia, Berita Harian, Malaysia Kini, *News Straits Times*, dan pangkalan data sesawang juga digunakan bagi mengukuhkan proses pembuktian berkaitan tajuk kajian. Penggunaan pangkalan data ini bertujuan untuk memudahkan pencarian literatur dengan lebih teratur dan sistematis. Langkah seterusnya dengan memindahkan artikel yang dimuat turun ke dalam perisian Mendeley Desktop. Penggunaan perisian ini adalah bertujuan untuk memudahkan proses penapisan data. Antara fungsi yang perisian ini perolehi ialah ia mampu mengesan dokumen yang dimasukkan berulang kali (duplikasi) dan semua fail dokumen dalam format PDF boleh dikaitkan dengan tajuk dokumen yang disenaraikan dalam perisian ini.

2.4 Pengumpulan dan Analisis Data

Pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan 20 buah artikel yang diperolehi daripada beberapa pangkalan data terkemuka seperti *Google Scholar*, ERIC, *Emerald Insight* dan *Research Gate* (profil pengkaji yang memuat naik hasil kajian berwasit mereka). Data ini dikumpul dengan mengekstrak tajuk, nama penulis, tahun kajian diterbitkan, tujuan kajian dilakukan, dan jenis skop pengaruh ibu bapa terhadap kemasukan pelajar ke institut pengajian tinggi yang lepas ke dalam jadual yang telah disiapkan menggunakan perisian *Microsoft Office Excel 2021*. Jadual 2 menunjukkan senarai artikel kajian yang lepas beserta dengan nama penulis yang digunakan dalam kajian yang dijalankan. Kesemua artikel yang dipilih ini merangkumi kriteria penerimaan dan penolakan yang telah ditetapkan.

Jadual 2 - Senarai artikel kajian lepas

Bil.	Nama Penulis	Tajuk Kajian
1	Zhi, W. W., & Atan, S. A. (2021)	<i>Factors Influencing Students' Attitudes towards Technical and Vocational Education and Training (TVET)</i> .
2	Nawabi, S., Javid, M. Q., Shujaulla, S., & Ulfat, H. (2019)	<i>Parental Influence on Career Choice of Their Children: Literature Review</i> .
3	Omar, M. K., Rauf, M. A., Ismail, N., Rashid, A. M., Mohd Puad, M. H., & Zakaria, A. (2020)	<i>Factors on deciding TVET for first choice educational journey among pre-secondary school student</i> .
4	Adewale, B., Amgbari, E., Erebor, E., Tipili, Z., & Ejiga, J. (2017)	<i>Parental Attitude Towards Vocational Education in Ado-Odo Ogun State Nigeria</i> .
5	Safarmamad, F. (2019)	<i>Factors that Influence Students' Decisions to Enroll in Initial Vocational Education and Training (IVET) Lyceums in Tajikistan</i> .
6	Dang, V. H. (2015)	<i>Parental Perspectives towards the Vocational Education Training Sector in Vietnam</i> .
7	Đurišić, M., & Bunijevac, M. (2017)	<i>Parental Involvement as a Important Factor for Successful Education</i> .
8	Rasul, M.S., Ashari, Z.M., Azman, N., & Abdul Rauf, R.A. (2015)	<i>Transforming TVET in Malaysia: Harmonizing the governance structure in a multiple stakeholder setting</i> .
9	Trines, S. (2018)	<i>Could Germany's Vocational Education Training System Be a Model for the U.S.? WENR</i> .
10	Okae-Adjei, S. (2017)	<i>Public Perception towards Technical and Vocational Education and Training (TVET) in Ghanaian Polytechnics</i> .
11	Ahmed Alnaqbi, S. K. (2015)	<i>Attitudes towards Vocational Education and Training in the Context of United Arab Emirates: A Proposed Framework</i>

- | | | |
|----|---|---|
| 12 | Ayub, H. (2017) | <i>Parental Influence and Attitude of Students towards Technical Education and Vocational Training</i> |
| 13 | Howard, N. R., Howard, K. E., Busse, R. T., & Hunt, C. (2019) | <i>Let's Talk: An Examination of Parental Involvement as a Predictor of STEM Achievement in Math for High School Girls.</i> |
| 14 | Arshad, M., Shahzadi, E., & Mahmood, A. (2016) | <i>Parents Involvement at University Level Education: Students Perception in Under Developing Country.</i> |
| 15 | Ruberry, E. J., Klein, M. R., Kiff, C. J., Thompson, S. F., & Lengua, L. J. (2018) | <i>Parenting as a moderator of the effects of cumulative risk on children's social-emotional adjustment and academic readiness.</i> |
| 16 | Yeap, C. F., Suhaimi, N., & Nasir, M. K. M. (2021) | <i>Issues, Challenges, and Suggestions for Empowering Technical Vocational Education and Training Education during the COVID-19 Pandemic in Malaysia.</i> |
| 17 | Dyrin, S., Kornilova, I., Sabirov, I., Asratyan, N., Vazieva, A., & Gayfutdinova, T. (2021) | <i>Life plans of graduates of technical and vocational education institution</i> |
| 18 | Ginevra, M. C., Nota, L., & Ferrari, L. (2015) | <i>Parental support in adolescents' Career development: Parents' and children's perceptions.</i> |
| 19 | Abdul-Aziz, S. N., Zulkifli, N., Nashir, I. M., & Karim, N. A. H. A. (2020) | <i>Pull and Push Factors of Students' Enrolment in the TVET Programme at Community Colleges in Malaysia.</i> |
| 20 | Mahuyu, J., & Makochekanwa, A. (2020) | <i>Perspectives of Parents towards Technical and Vocational Education and Training (TVET) in Zimbabwe.</i> |
-

3. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Objektif utama kajian literatur sistematik dijalankan adalah untuk mengenal pasti pengaruh peranan ibu bapa terhadap kemasukan pelajar ke institusi teknikal dan vokasional. Hasil penelitian daripada penemuan artikel kajian yang lepas, terdapat 20 buah artikel yang menepati kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Beberapa sorotan literatur mengenai hubungan antara pengaruh peranan ibu bapa terhadap kemasukan pelajar ke institusi teknikal dan vokasional dikaji secara sistematik bertujuan untuk mengkaji bagaimana ibu bapa boleh mempengaruhi anak-anak mereka.

Bagi seorang anak, orang yang paling berpengaruh dalam hidup adalah ibu bapa. Sejak awal kanak-kanak mereka mempunyai pengaruh yang berterusan dan teguh pada personaliti dan perkembangan kerjaya anak-anak mereka (Tziner et al., 2012). Sokongan ibu bapa datang dalam pelbagai bentuk dan antara sub tema yang diperolehi daripada tema sokongan ibu bapa ialah penglibatan aktif, kasih sayang, pembentukan disiplin dan pengaruh minat. Kekurangan penglibatan ibu bapa kadangkala dianggap sebagai masalah utama dan mereka yang bersedia untuk terlibat harus dialu-alukan (Howard et al., 2019). Ibu bapa yang terlibat dalam aktiviti ini juga mungkin lebih mengambil berat tentang kualiti keberhasilan anak-anak mereka (Jeynes, 2011). Keluarga mempunyai akauntabiliti yang besar untuk memasyarakatkan anak-anak mereka untuk menjadikan mereka ahli masyarakat yang berpendidikan, rapi dan produktif (Arshad et al., 2016). Lebih banyak ibu bapa melibatkan diri dalam prosedur penyampaian pendidikan, lebih banyak anak mungkin cemerlang dalam kerjaya akademik dan menjadi ahli masyarakat yang bertanggungjawab. Disamping itu, ibu bapa mempunyai kesan yang signifikan terhadap pendidikan teknik dan vokasional. Hasil dapatan kajian daripada (Ayub, 2017) menunjukkan bahawa ibu bapa yang mempunyai sosioekonomi rendah dalam masyarakat menggalakkan anak-anak mereka menyambung pelajaran ke institut teknikal dan vokasional.

Ibu bapa yang menaruh harapan tinggi terhadap anak-anak mereka, mengambil minat, berkomunikasi prospek kerjaya mereka dengan jelas dan menggalakkan anak-anak mereka bekerja keras untuk mencapai kejayaan di masa akan datang. Ibu bapa yang mempunyai ciri demografi dan psikografi yang berbeza mempunyai jangkaan yang berbeza daripada pendidikan anak-anak mereka yang akhirnya mempengaruhi tingkah laku anak-anak mereka terhadap pemilihan kerjaya (Ahmed Alnaqbi, 2015). Sebaliknya, satu kajian merumuskan bahawa pengaruh ibu bapa tidak mempengaruhi pemilihan kerjaya remaja secara signifikan dan mereka mempunyai beberapa bentuk kebebasan dalam membuat pilihan kerjaya bertentangan dengan kehendak ibu bapa mereka (Olaosebikan & AyokaMopela, 2014). Pelajar yang memasuki institusi TVET tidak mempunyai maklumat yang mencukupi tentang daripada kaunselor bimbingan kerjaya di sekolah, atau nasihat daripada saudara mereka, terutamanya ibu bapa mereka (Dang, 2015). Faktor-faktor seperti ketidakstabilan kediaman, kekecohan rumah tangga atau kesesakan, pemakanan yang buruk, ibu bapa tunggal, perceraian atau perpisahan, keibubapaan remaja, pendidikan ibu bapa yang rendah, ibu bapa yang kurang atau tidak bekerja, psikopatologi ibu bapa, pendedahan kepada toksin alam sekitar, bahaya kejiranan dan peristiwa kehidupan negatif (Ruberry et al., 2018).

3.1 Perbincangan

Dapat kajian literatur sistematik menunjukkan bahawa pengaruh peranan ibu bapa banyak memberi kesan terhadap kemasukan pelajar ke institusi teknikal dan vokasional. Perkara ini dapat dibuktikan dengan beberapa kajian pengkaji

lepas seperti Zhi & Atan (2021); Nawabi, Javid, Shujaulla, & Ulfat (2019); Omar, Rauf, Ismail, Rashid, Mohd Puad, & Zakaria (2020); Adewale, Amgbari, Erebor, Tipili, & Ejiga (2017); Safarmamad (2019); Dang (2015); Đurišić, & Bunijevac (2017); Rasul, Ashari, Azman, & Abdul Rauf (2015); Trines (2018); Okae-Adjei (2017); Ahmed Alnaqbi (2015); Ayub (2017); Howard, Howard, Busse, & Hunt (2019); Arshad, Shahzadi, & Mahmood (2016); Ruberry, Klein, Kiff, Thompson, & Lengua (2018); Yeap, Suhaimi, & Nasir (2021); Dyrin, Kornilova, Sabirov, Asratyan, Vazieva, & Gayfutdinova (2021); Ginevra, Nota, & Ferrari (2015); Abdul-Aziz, Zulkifli, Nashir, & Karim (2020); dan Mahuyu & Makochehanwa (2020).

Pada masa kini, remaja yang berumur 14 sehingga 16 tahun dan ahli keluarga bertanggungjawab untuk memilih profesion masa depan. Keluarga bukan sahaja melabur dalam pendidikan anak-anak mereka, tetapi juga sering berunding dan menasihati dalam hal memilih profesion, mencari dan mengambil pekerjaan (Dyrin et al., 2021). Seperti yang kita ketahui, kebanyakan individu di Malaysia sangat mementingkan nilai kekeluargaan lebih-lebih lagi pengaruh dari orang yang lebih tua. Pengaruh ibu bapa dan keluarga secara langsung atau tidak langsung bukan sahaja dominan di Amerika Syarikat tetapi juga di Eropah, Asia, dan di negara-negara Afrika. Sebagai contoh, dalam kajian sokongan ibu bapa Itali dan hubungannya dengan pembuatan keputusan kerjaya anak-anak mereka, Ginevra et al. (2015) mendapati bahawa "persepsi remaja terhadap sokongan ibu bapa secara tidak langsung meramalkan pemilihan kerjaya melalui kesan pengantaraan efikasi sendiri kerjaya." (hlm.11). Selain itu, dorongan dari orang terdekat sedikit sebanyak memberi kesan terhadap pemilihan kerjaya. Dalam kehidupan, orang yang dianggap berpengaruh kebiasaannya terdiri daripada ibu bapa, anggota keluarga, guru, rakan atau seseorang yang dipercayai.

Persepsi ibu bapa terbahagi kepada positif dan negatif. Pada persepsi positif, ibu bapa percaya bahawa pelajar yang mendaftar dalam bidang TVET boleh belajar dengan jayanya untuk memperoleh kemahiran dari peringkat asas hingga lanjutan daripada institusi TVET walaupun mereka mempunyai rekod akademik yang lemah (Dang, 2015). Ibu bapa percaya bahawa pelajar TVET mempunyai daya pemikiran yang kreatif dan sangat berminat dalam aspek praktikaliti. Selain itu juga, ada ibu bapa yang berpendapat bahawa pembelajaran secara teori agak membosankan, memakan masa berlainan dengan pembelajaran secara praktikal yang boleh mencetuskan pemikiran kreatif pelajar dan menggalakkan interaksi dengan pelajar lain. Pada persepsi negatif, beberapa kelemahan telah diketengahkan oleh ibu bapa dan ini termasuklah pusat TVET terhad, stereotaip jantina, latihan pengajaran yang lemah, tiada kaitan yang jelas antara pendidikan vokasional dan pendidikan am, hubungan yang lemah antara institusi TVET, dan hubungan institusi TVET yang lemah dengan pasaran buruh (Mahuyu & Makochehanwa, 2020). Tambahan pula, kemahiran tradisional, pengurusan perniagaan dan latihan keusahawanan serta penyelarasan program dan kelayakan TVET didapati tidak didokumenkan dengan betul.

4. Limitasi dan Cadangan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kelemahan. Kekangan pertama ialah Kajian Literatur Sistemik (SLR) yang dijalankan mengurangkan pemilihan berat sebelah, tetapi masih boleh dilakukan untuk pangkalan data lain untuk memasukkan kertas dengan kriteria pemilihan yang telah ditetapkan. Ini disebabkan oleh fakta bahawa analisis yang dilakukan hanya menggunakan beberapa pangkalan data. Kekangan kedua ialah penggunaan set data atau bilangan artikel yang terhad, menyebabkan beberapa artikel daripada penyelidikan SLR terkecuali. Ini berlaku apabila cara pencarian mengenai pengaruh ibu bapa yang sama dirujuk dengan pelbagai nama atau kata kunci dan banyak artikel yang dijumpai melibatkan pengaruh ibu bapa terhadap pencapaian akademik anak-anak. Kekangan ketiga ialah kriteria pemilihan untuk artikel teks penuh. Dengan memasukkan kriteria teks penuh untuk artikel yang dicari, entri tanpa teks penuh akan ditinggalkan. Artikel tanpa versi teks penuh ialah artikel yang mana penyelidik mesti membayar yuran kepada pangkalan data yang digunakan. Beberapa kertas kerja yang berkaitan dengan kajian SLR yang dilakukan telah dialih keluar kerana penyelidik tidak mempunyai akses kepada keseluruhan teks atau teks lengkap untuk dirujuk dan dinilai.

4.1 Cadangan

Kajian lanjutan hendaklah bersifat prospektif, menggunakan kaedah eksperimen untuk menyiasat intervensi untuk memupuk minat pelajar sekolah menengah terhadap institusi TVET. Pembuat dasar dan pihak berkepentingan harus melabur dalam menyokong penyelidikan dalam bidang ini untuk memastikan pendidikan TVET selari dengan setiap permintaan yang berubah-ubah. Walaupun terdapat beberapa trek bidang berkaitan TVET seperti seni bina dan pembinaan, pembuatan dan pertanian, penyelidik menumpukan pada kursus kejuruteraan dan usahawan sahaja. Oleh itu, terdapat keperluan untuk penyelidikan masa depan tentang minat kursus TVET dan kesan kursus tersebut terhadap pengesahan dan prestasi pelajar lepas menengah dalam TVET. Bagi meningkatkan minat pelajar terhadap pendidikan TVET, persepsi masyarakat terhadap TVET perlu dipertingkatkan. Selain itu juga, wakil dari institusi TVET boleh memainkan peranan penting dengan membimbing ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan TVET semasa perjumpaan bersama ibu bapa bermula dari peringkat sekolah menengah rendah dan tinggi dan tidak hanya tertumpu kepada sekolah teknik dan kolej vokasional sahaja tetapi boleh diperluaskan kepada sekolah harian dan jugak mungkin ke sekolah kluster, bestari dan berasrama penuh. Selain daripada itu, kesedaran perlu dipupuk kepada ibu bapa bagi mengelakan persepsi di mana pendidikan TVET adalah untuk anak-anak atau pelajar yang kurang pandai atau lemah dalam akademik.

5. Kesimpulan

Kajian literatur sistematik yang dijalankan adalah melibatkan beberapa pengkalan data yang terkemuka iaitu *Education Resource Information Centre (ERIC), Emerald Insight, Connected Paper, Google, Google Scholar, Sagepub, ResearchGate dan Academia*. Berdasarkan pengkalan data yang digunakan, sebanyak 20 buah artikel yang telah dikenal pasti dan memenuhi kriteria pemilihan yang ditetapkan oleh pengkaji. Hasil analisis yang dijalankan menunjukkan bahawa pengaruh peranan ibu bapa memberi kesan terhadap kemasukan pelajar ke institusi TVET secara langsung dan tidak langsung. Walaupun tradisi keluarga tidak dianggap oleh golongan muda sebagai sesuatu yang penting apabila membuat rancangan hidup, status profesional dan sosial ibu bapa mereka mempunyai serba sedikit pengaruh terhadap keputusan mereka. Oleh yang demikian, penyelidikan lanjut perlu menyiasat motivasi ibu bapa untuk memberi impak kepada anak-anak mereka dalam program TVET. Menggunakan kajian kualitatif dalam penyelidikan masa depan boleh membawa beberapa pandangan baharu kepada penyelidikan TVET. Akhir kata, kerajaan Malaysia seharusnya mempromosikan TVET dengan penuh dedikasi di semua media untuk meningkatkan kesedaran di kalangan ibu bapa dan pelajar.

Penghargaan

Penulis ingin menghargai komen, penyuntingan dan bantuan dengan penggunaan tatabahasa yang diterima daripada Dr Lee Ming Foong, pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Rompin, rakan-rakan kelas teori dan amalan dalam karya akademik yang memberikan sumbangan yang tidak ternilai kepada hasil kerja penulis.

Rujukan

- Abdul-Aziz, S. N., Zulkifli, N., Nashir, I. M., & Karim, N. A. H. A. (2020). Pull and push factors of students' enrolment in the tvet programme at community colleges in Malaysia. *Journal of Technical Education and Training, 12*(1 Special Issue), 68–75. <https://doi.org/10.30880/jtet.2020.12.01.007>
- Adewale, B., Amgbari, E., Erebor, E., Tipili, Z., & Ejiga, J. (2017). Parental Attitude Towards Vocational Education in Ado-Odo Ogun State Nigeria. *INTED2017 Proceedings, 1*(March), 5411–5415. <https://doi.org/10.21125/inted.2017.1261>
- Ahmed Alnaqbi, S. K. (2015). Attitudes towards Vocational Education and Training in the Context of United Arab Emirates: A Proposed Framework. *International Journal of Business and Management, 11*(1), 31. <https://doi.org/10.5539/ijbm.v11n1p31>
- Alavi, K., Md. Sail, R., & Awang, A. H. (2013). Image of Technical Education and Vocational Training From the Perspective of Parents and Teachers. *Journal of Technical Education and Training, 5*(1), 68–88.
- Arshad, M., Shahzadi, E., & Mahmood, A. (2016). Parents Involvement at University Level Education: Students Perception in Under Developing Country. *European Scientific Journal, ESJ, 12*(22), 294. <https://doi.org/10.19044/esj.2016.v12n22p294>
- Ayub, H. (2017). Parental Influence and Attitude of Students towards Technical Education and Vocational Training. *International Journal of Information and Education Technology, 7*(7), 534–538. <https://doi.org/10.18178/ijiet.2017.7.7.925>
- Bassah, H. (2022). The issues and challenges of TVET in Malaysia: from the perspective of industry experts. *The Online Journal for Technical and Vocational Education and Training in Asia, 18*, 1–15. www.tvet-online.asia
- BERNAMA. (2022). The Role of TVET Education in Promoting Sustainable Development in Malaysia. Dicapai pada November 22, 2022 dari <https://www.bernama.com/en/thoughts/news.php?id=2102811>
- Dang, V. H. (2015). Parental Perspectives towards the Vocational Education Training Sector in Vietnam. *Journal of Education and Vocational Research, 6*(1), 37–51. <https://doi.org/10.22610/jevr.v6i1.178>
- Đurišić, M., & Bunijevac, M. (2017). Parental Involvement as a Important Factor for Successful Education. *Center for Educational Policy Studies Journal, 7*(3), 137–153. <https://doi.org/10.26529/cepsj.291>
- Dyrin, S., Kornilova, I., Sabirov, I., Asratyan, N., Vazieva, A., & Gayfutdinova, T. (2021). Life plans of graduates of technical and vocational education institution. *SHS Web of Conferences, 97*, 01046. <https://doi.org/10.1051/shsconf/20219701046>
- Ginevra, M. C., Nota, L., & Ferrari, L. (2015). Parental support in adolescents' Career development: Parents' and children's perceptions. *Career Development Quarterly, 63*(1), 2–15. <https://doi.org/10.1002/j.2161-0045.2015.00091.x>
- Harun, H. N. & Rahim, S. (2019). Educationist: Get parents, kids to like TVET. NST Online; New Straits Times. Dicapai pada November 19, 2022 dari <https://www.nst.com.my/news/nation/2019/10/527694/educationist-get-parents-kids-tvet>
- Howard, N. R., Howard, K. E., Busse, R. T., & Hunt, C. (2019). Let's Talk: An Examination of Parental Involvement as a Predictor of STEM Achievement in Math for High School Girls. *Urban Education*. <https://doi.org/10.1177/0042085919877933>
- Jeynes, W. H. (2011). Parental involvement research: Moving to the next Level. *School Community Journal, 21*(1), 9.
- Mahuyu, J., & Makochekeka, A. (2020). Perspectives of Parents towards Technical and Vocational Education and

- Training (TVET) in Zimbabwe. *Advances in Politics and Economics*, 3(4), p1.
<https://doi.org/10.22158/ape.v3n4p1>
- Nawabi, S., Javid, M. Q., Shujaulla, S., & Ulfat, H. (2019). Parental Influence on Career Choice of Their Children: Literature Review. *International Journal of Advanced Research*, 7(3), 221–227.
<https://doi.org/10.21474/ijar01/8625>
- Okae-Adjei, S. (2017). Public Perception towards Technical and Vocational Education and Training (TVET) in Ghanaian Polytechnics. *Asian Research Journal of Arts & Social Sciences*, 2(3), 1–10.
<https://doi.org/10.9734/arjass/2017/32430>
- Olaosebikan, O. I., & AyokaMopela, O. (2014). Effects of Parental Influence on Adolescents' Career Choice in Badagry Local Government Area of Lagos State, Nigeria. *IOSR Journal of Research & Method in Education (IOSRJRME)*, 4(4), 44–57. <https://doi.org/10.9790/7388-04434457>
- Omar, M. K., Rauf, M. A., Ismail, N., Rashid, A. M., Mohd Puad, M. H., & Zakaria, A. (2020). Factors on deciding TVET for first choice educational journey among pre-secondary school student. *European Journal of Molecular and Clinical Medicine*, 7(3), 609–627.
- Rasul, M.S., Ashari, Z.M., Azman, N., & Abdul Rauf, R.A. (2015). Transforming TVET in Malaysia: Harmonizing the governance structure in a multiple stakeholder setting. In: TVET@Asia, issue 4, 1-12. Dicapai pada November 19, 2022 dari Online: https://www.tvet-online.asia/issue4/rasul_et_al_tveta4.pdf
- Ruberry, E. J., Klein, M. R., Kiff, C. J., Thompson, S. F., & Lengua, L. J. (2018). Parenting as a moderator of the effects of cumulative risk on children's social-emotional adjustment and academic readiness. *National Center for Biotechnology Information*, 27(3). <https://doi.org/doi:10.1002/icd.2071>
- Safarmamad, F. (2019). Factors that Influence Students' Decisions to Enroll in Initial Vocational Education and Training (IVET) Lyceums in Tajikistan. *ProQuest Dissertations and Theses*, 197. <https://doi.org/10.25777/afbx-ta48>
- Trines, S. (2018). Could Germany's Vocational Education Training System Be a Model for the U.S.? WENR. Dicapai pada November 21, 2022 dari <https://wenr.wes.org/2018/06/could-germanys-vocational-education-and-training-system-be-a-model-for-the-u-s>
- Tziner, A., Loberman, G., Dekel, Z., & Sharoni, G. (2012). The influence of the parent offspring relationship on young people's career preferences. *Revista de Psicología Del Trabajo y de Las Organizaciones*, 28(2), 99–105.
http://scielo.isciii.es/scielo.php?script=sci_arttext&pid=S1576-59622012000200003&lang=pt
- Wonacott, M. E. (2000). Benefits of Vocational Education. Myths and Realities No. 8. In *Columbus: ERIC Clearinghouse on Adult, Career, and Vocational Education, the Ohio State University* (p. ED 441 179).
- Xiao, Y., & Watson, M. (2019). Guidance on Conducting a Systematic Literature Review. *Journal of Planning Education and Research*, 39(1), 93–112. <https://doi.org/10.1177/0739456X17723971>
- Yeap, C. F., Suhaimi, N., & Nasir, M. K. M. (2021). Issues, Challenges, and Suggestions for Empowering Technical Vocational Education and Training Education during the COVID-19 Pandemic in Malaysia. *Creative Education*, 12(08), 1818–1839. <https://doi.org/10.4236/ce.2021.128138>
- World Bank Group. (2017). World Bank to Continue Support for Technical Education and Vocational Training in Nepal. World Bank; World Bank Group. Dicapai pada November 22, 2022 dari <https://www.worldbank.org/en/news/press-release/2017/09/26/world-bank-to-continue-support-for-technical-education-and-vocational-training>
- Zhi, W. W., & Atan, S. A. (2021). Factors Influencing Students' Attitudes towards Technical and Vocational Education and Training (TVET). *Research in Management of Technology and Business*, 2(1), 335–348.